



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PRA PELANCARAN
BORNEO FLORA FESTIVAL 2025**

11 APRIL 2025

**TAMAN REKREASI
KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA, LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Dato' Suhaili – Ahli Parlimen Labuan

Ketua Pengarah – Datuk Seri Noridah

Saudara Simsudin – Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan

Saudara Sukuran – CEO Perbadanan Labuan

Ketua-Ketua Agensi Jabatan Wilayah Persekutuan – Dato' Fadlun, Dato'

Seri Maimunah, Dr. Amir, Datin Paduka Rahilah dan Encik Nik

Saudara Roslee Matusin – Pengerusi MPP Labuan

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

Pemimpin-pemimpin Masyarakat

Rakan-rakan media

Saudara saudari sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pra Pelancaran Borneo Flora Festival atau BFF 2025 (*seloroh: Bukan Best Friend Forever, tapi Borneo Flora Festival*)
2. Tahniah saya ucapkan kepada Perbadanan Labuan yang berani menyahut cabaran saya untuk menganjurkan festival bunga dan taman berskala besar yang bakal mewarnai Labuan dan insya-Allah akan menjadi salah satu dari acara ikonik dalam kalender pelancongan negara.

SASARAN KEHADIRAN BFF SEBANYAK 50,000 PENGUNJUNG

Para hadirin sekalian,

3. Untuk makluman semua yang hadir termasuk rakan-rakan media, program BFF yang julung-julung kalinya kita anjurkan di kepulauan Borneo, khususnya di Labuan ini, adalah amat bertepatan dengan aspirasi Kerajaan untuk terus memacu sektor pelancongan di Labuan. Program ini juga akan memainkan peranan untuk memperkenalkan keindahan flora dan landskap tropika tempatan, serta dalam masa yang sama turut mempromosikan warisan landskap etnik-etnik Borneo yang kaya dan berwarna-warni.

4. Kita juga akan menghimpunkan lebih 20 lokasi pameran taman dengan reka bentuk yang pelbagai dan kreatif dengan lebih 200 ribu bunga dan tumbuhan pelbagai warna serta fungsi akan dipamerkan. Pengunjung bukan sekadar dapat menikmati keindahan bunga-bunga ini, tetapi juga sebagai simbolik kepada kekayaan biodiversiti negara dan dalam masa yang sama sebagai potensi nilai tambah kepada industri hortikultur negara.
5. Berbanyak-banyak terima kasih juga saya ucapkan kepada agensi-agensi kerajaan, swasta, institusi pendidikan dan juga komuniti setempat yang turut akan bersama-sama dalam menjayakan festival ini.
6. Saya beri cabaran kepada Perbadanan Labuan, iaitu sasaran kehadiran sebanyak 50 ribu pengunjung sepanjang festival ini berlangsung. Boleh Encik Sukuran? CEO PL kena kerja lebih sikit untuk dapatkan penyertaan. Insya-Allah, saya yakin kita mampu jayakannya.

SEKTOR PELANCONGAN SEBAGAI STRATEGI KESAN GANDAAN EKONOMI

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin sekalian,

7. Saya ingin kongsikan kepada semua, Kerajaan sentiasa memberi tumpuan penuh terhadap usaha pembangunan yang inklusif dan mampan di Labuan ini.

8. Dalam hal ini, seperti yang pernah saya sebut sebelum ini, kita perlu ada lagi satu sektor tambahan dan juga alternatif kepada sektor sedia ada seperti sektor perkhidmatan kewangan dan sektor *oil and gas* yang menjadi penyumbang kepada pencapaian KDNK per kapita kedua tertinggi di Malaysia. Pulau Labuan ini ada potensi yang besar untuk sektor pelancongan.
9. Lebih daripada itu, penumpuan kepada sektor pelancongan ini merupakan manifestasi kepada strategi untuk mencetuskan kesan gandaan ekonomi atau *multiplier effect* di Labuan ini. Melalui penganjuran festival ini nanti, industri seperti hospitaliti, pengangkutan, makanan dan minuman serta industri kreatif dapat digerakkan secara serentak. Apabila digerakkan dalam skala yang besar dan bersepadu, kecekapan kos turut dapat dicapai melalui prinsip *economies of scale*.
10. Insya-Allah, penumpuan kepada sektor pelancongan, seperti penganjuran BFF ini nanti akan memberi dampak positif di mana ianya dapat menjadi pemacu kepada rantai nilai ekonomi tempatan atau *local economic value chain*. Lebih penting daripada angka pengunjung, kita mahukan rakyat Labuan dapat merasai manfaat langsung dari penganjuran festival ini.
11. Kita mahukan juga apa yang kita laksanakan ini, impak limpahan ekonomi atau *spill over effect* nya akan mengalir ke rakyat setempat, sesuai dan selaras dengan prinsip Ekonomi MADANI untuk meningkatkan darjat hidup rakyat.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

12. Dalam tempoh setahun ini, Alhamdulillah, data telah menunjukkan bahawa ada peningkatan kepada jumlah pengunjung ke Labuan. Pada tahun 2024, Labuan telah pun menerima jumlah kehadiran pengunjung seramai 1.1 juta berbanding hanya kira-kira 950 ribu pengunjung (to be exact 953,850) pada tahun 2023. Peningkatannya sebanyak 15.7 peratus.
13. Ini membuktikan kita sedang berada di landasan yang betul untuk mengangkat martabat Labuan sebagai permata pelancongan negara. Insya-Allah, BFF ini nanti kita akan anjurkan secara dwitahunan dan akan mencari satu acara *signature* bagi Labuan.
14. Walaupun penganjuran BFF 2025 ini baru bermula, saya yakin dengan sokongan padu semua pihak, ianya mampu berkembang sebagai sebuah jenama yang gah setanding Royal Flora Putrajaya yang menjadi *signature program* untuk Perbadanan Putrajaya.
15. Namun, untuk menjadikannya sebuah realiti, perancangan dan pengurusan festival ini perlu diperkemas dari semasa ke semasa, bermula dari penganjuran sulung pada bulan Julai nanti. Terima kasih juga saya ucapkan kepada individu dan organisasi yang telah pun dilantik sebagai Sahabat BFF 2025, antaranya ada institusi pengajian, pengusaha hotel serta wakil-wakil komuniti, yang akan memainkan peranan sukarela dalam membantu promosi dan hebahan festival ini.

16. Terima kasih juga kepada Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya serta semua kementerian dan agensi yang terlibat atas kerjasama padu dalam menjayakan agenda besar kita untuk Labuan ini.
17. Perbadanan Putrajaya, khususnya, *team* Tok Lun, tahniah dan terima kasih kerana bersedia menyahut cabaran dan menjadi mentor serta berkongsi kepakaran kepada Perbadanan Labuan dalam penganjuran ini.
18. Untuk makluman semua, mereka dah berkampung di sini berbulan-bulan untuk memastikan bunga-bunga ini terus mekar dan segar sehingga ke hari penganjurannya nanti. Ini lah semangat Wilayah Persekutuan Kita yang sering saya sebut dari setahun yang lalu.
19. Untuk itu, dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran Borneo Flora Festival 2025.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.